

Analisis Bahasa Kesat dalam Ruang Komen Borneo Bulletin berkaitan gelombang kedua Covid-19 di Negara Brunei Darussalam

Farhanah binti Awang Sani, *Ashrol Rahimy Damit

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: rahimy.damit@ubd.edu.bn

Received: January 2024; Revised: February 2024; Published: March 2024

Abstrak

Isu berkaitan penularan wabak virus korona (Covid-19 seterusnya) dan kadar kematian seluruh dunia merupakan sebab utama hampir semua rakyat merasa cemas serta bimbang terhadap kesejahteraan masing-masing. Kebimbangan ini menyumbang kepada peningkatan komunikasi warga maya di platform media sosial sehingga meninggalkan komen-komen negatif tanpa terkawal. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan kata-kata makian dalam media sosial melalui aplikasi Facebook semasa penularan Covid-19 di NBD, khususnya pada gelombang kedua di NBD. Data yang diperolehi adalah berdasarkan komen pengguna melalui ruang *Borneo Bulletin*. Penelitian ini memfokuskan terhadap jenis dan kategori penggunaan kata-kata makian dengan bersandarkan kepada pendekatan deskriptif teori Magnus Ljung (2011) untuk mengkategorikan tema penggunaan kata-kata makian oleh pengguna media sosial. Secara keseluruhannya, ditemui sebanyak 19 kata-kata makian yang digunakan dalam ruangan komen *Borneo Bulletin* semasa Covid-19. Kata-kata makian tersebut adalah 'Babal/Babalian', 'Mantingal', 'Mati', 'Gila', 'Paloi', 'Sial', 'Buduh', 'Baie', 'Babi', 'Banggang', 'Jubur', 'Talor', 'Taie', 'Setan/Syaitan', 'Damn', 'Bangsat', 'Celaka/Cilaka', 'Oh Hell' dan 'Anjing/Anjir'. Kesemua 19 kata-kata makian yang telah ditemui adalah bagi menunjukkan perasaan marah, tidak berpuas hati dan sebagainya dari pengguna semasa wabak Covid-19 melanda NBD. Metodologi kajian pula melibatkan dua langkah utama, iaitu pencatatan dan pemerhatian komen serta analisis makna kata-kata makian yang digunakan. Dengan menggunakan metodologi tersebut, penelitian ini bertujuan untuk mengidentifikasi dan menganalisis jenis dan kategori penggunaan kata-kata makian dalam komen pengguna media sosial semasa penularan Covid-19 di NBD semasa gelombang kedua. Dari hasil kajian ini, ditemui empat kata makian yang dominan digunakan oleh pengguna dalam ruangan komen *Borneo Bulletin* iaitu mantingal, gila, babal dan mati. Manakala kategori/tema *name-calling* merupakan tema yang paling dominan ditemui oleh masyarakat di NBD.

Kata kunci: Penggunaan kata makian; Negara Brunei Darussalam; gelombang kedua Covid-19; Facebook; *Borneo Bulletin*.

Analysis of profanity in the Borneo Bulletin's Comment Section related to the second wave of Covid-19 in Brunei Darussalam

Abstract

Issues related with the spread of Covid-19 and the death rates around the world is the main reason why almost all the citizens feel anxious about their well-being. This concern contributes to the increase in communication virtually on all social media platforms, leaving negative comments freely. Therefore, this study aims to analyse the use of profanity used by the social media users, especially through Facebook related to the spread of Covid-19 in NBD, specifically during the second wave infection in NBD. The data obtained is based on user's comments through the *Borneo Bulletin* page. This study focuses on the types and categories of profanity usage. The data analysis uses a descriptive approach by using the theory of Magnus Ljung (2011) to categorise the types of profanity. In total, 19 words were found, used in the comment section of the *Borneo Bulletin's* page related to Covid-19 issues. The profanity are Babal/Babalian, Mantingal, Mati, Gila, Paloi, Sial, Buduh, Baie, Babi, Banggang, Jubur, Talor, Taie, Syaitan/Saitan, Damn, Bangsat, Calaka/Calaka, Oh Hell and Anjing/anjir. The 19 profanities that have been used are mostly to show feelings of anger, dissatisfaction and frustration. This research

methodology involves two main steps, namely collecting textual data and observing through the comments. Also, analyzing the meanings of the profane words used. By employing this methodology, the study aims to identify and analyze the types and categories of profanity usage in social media user during the Covid-19 transmission in NBD, particularly during the second wave. From this study, it has found that there are four widely used profanities by users in the comment section of Borneo Bulletin, namely manting, gila, babal and mati. While name-calling is the most dominant theme used by the communities in NBD.

Keywords: Profanities; Brunei Darussalam; second wave of Covid-19; Facebook; Borneo Bulletin

How to Cite: Sani, F. A., & Damit, A. R. (2024). Analisis Bahasa Kesat dalam Ruang Komen Borneo Bulletin berkaitan gelombang kedua Covid-19 di Negara Brunei Darussalam. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 2(1), 1–21. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v2i1.1725>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v2i1.1725>

Copyright© 2024, Sani & Damit

This is an open-access article under the CC-BY-SA License.



PENGENALAN

Borneo Bulletin merupakan akhbar berbahasa Inggeris yang terkemuka di NBD yang diterbitkan dalam bentuk bercetak dan dalam talian (*online newspaper*), dan telah memberi sumber berita untuk negara tersebut sejak 1953 serta diterbitkan oleh Brunei Press Sdn Bhd. Borneo Bulletin telah mencipta akaun tersendiri di dalam media sosial seperti Facebook dan Instagram. Siaran akhbar melalui laman sesawang sememangnya memudahkan rakyat untuk meraih berita harian secara berkesan dan cepat. Setentunya kemajuan teknologi menjadikan laman sesawang bukan sahaja sebagai medium untuk memperoleh maklumat, malah berkembang kepada media sosial yang menggabungkan tiga elemen utama, iaitu teknologi, perbualan dan perkongsian maklumat (Hajah Siti Zuriahah, 2017). Media sosial menjadi sebuah trend bagi mengisi masa lapang bagi setiap lapisan masyarakat serta mendapatkan berita terkini secara dalam talian. Ini telah menarik minat pengguna melibatkan diri secara aktif dalam berinteraksi dengan pelbagai tujuan serta mengekspresikan luahan hati mereka terhadap pihak tertentu.

Namun, penggunaan media sosial yang meluas ini juga memberikan impak negatif kepada masyarakat. Pengguna media sosial sering kali memanfaatkannya untuk menyebarkan fitnah, mengakses informasi yang tidak tepat dan sebagainya.. Menurut Mohd Dahlan A. Malek (2010) 'disebabkan generasi muda masa kini banyak menghabiskan masa dalam dunia siber, tidak mustahil pelbagai bentuk jenayah boleh berlaku. Antara jenis jenayah siber yang berlaku adalah seperti penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau data computer, kecurian maklumat, menyalin perisian secara tidak sah, judi siber, skim cepat kaya, penggadam atau "hacker", pencerobohan, pornografi, gangguan seks, ancaman atau fitnah melalui emel dan sebagainya' (hlm. 5). Tidak dinafikan bahawa penggunaan media sosial lebih banyak keburukannya berbanding kebajikannya.

Begitu juga halnya dengan penggunaan kata-kata makian dalam media sosial. Penggunaan kata-kata makian dilihat semakin selesa dituliskan dalam ruangan media sosial. Berdasarkan Kamus Bahasa Melayu, kata makian merujuk kepada kata-kata yang keji untuk menghina atau mengutuk orang lain (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2017). Ini bermaksud pertuturan yang beunsurkan penghinaan mahupun mengutuk dianggap sebagai kata-kata keji. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan melalui jaringan media sosial iaitu aplikasi Facebook, ditemui penggunaan kata-kata makian

yang meluas, contohnya penggunaan kata 'babi', 'anjing', 'talor', 'babal', 'mentingal' dan sebagainya bagi meluahkan rasa tidak puas hati atau kesal, terutama sekali kata-kata sedemikian kerap dituturkan semasa penularan wabak kedua Covid-19 di NBD. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekhuatiran para penduduk yang menjadikan mereka menuturkan kata-kata yang kurang sopan.

Semenjak berlaku gelombang kedua jangkitan Covid-19 di NBD pada 7hb Ogos 2021 lalu di NBD, Kementerian Kesihatan NBD (seterusnya MOH) dan penduduk berganding bahu untuk menangani jangkitan Covid-19 yang semakin menular. Memandangkan NBD tidak merekodkan jangkitan tempatan hampir setahun, maka gelombang kedua mengejutkan penduduk NBD sehingga masyarakat menjadi cemas akan kesejahteraan masing-masing. Oleh yang demikian, kerajaan NBD beserta MOH berganding bahu untuk mengendalikan jangkitan tempatan dengan memperkenalkan pelbagai langkah seperti melakukan sekatan terhadap perkumpulan ramai, membuat perintah berkurung dari jam 8 malam hingga 4 subuh (yang digelar Operasi Pulih) dan pelbagai cara untuk membendung jangkitan Covid-19 di NBD. Namun tidak semua masyarakat mempersetujui sekatan-sekatan yang diperkenalkan yang menjadikan ketidakpuasan bagi segelintir masyarakat. Pelaksanaan Operasi Pulih untuk berada di dalam rumah dari jam 8 malam hingga 4 subuh telah menimbulkan pelbagai spekulasi oleh masyarakat apabila nama dan wajah para pesalah didedahkan dalam persidangan mahupun dalam ruang *Borneo Bulletin*. Selain itu, tidak terkecuali juga ditemui penggunaan kata-kata makian oleh masyarakat di NBD bagi menyatakan perasaan risau mahupun ketidakpuasan hati terhadap tindakan si pesalah. Oleh itu, penggunaan kata-kata makian berkaitan dengan jangkitan Covid-19 di NBD dianalisis dalam penulisan ini dengan terperinci.

COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada mulanya, penularan wabak Covid-19 berasal dari Wuhan, negeri China yang bermula pada hujung tahun 2019. Gelombang pertama jangkitan Covid-19 di NBD adalah pada 9 Mac 2020. Kes tersebut menunjukkan peningkatan dari sehari ke sehari. Oleh itu, pihak kerajaan NBD telah mengambil tindakan untuk mengawal dan mengurangkan kes jangkitan seperti penutupan masjid-masjid, balai ibadat, penutupan sekolah, penutupan dine-in, membatalkan acara keramaian dan menyekat kemasukan orang ke negara ini. Selain itu, ketika gelombang pertama jangkitan Covid-19 mulai meningkat di negara NBD, para penduduk pun turut merasa bimbang dan cemas. Hal ini menjadikan masyarakat di NBD tidak terkecuali melakukan panic buying dan terjadinya bermacam berita palsu yang dikongsikan dalam media sosial. Isu sedemikian sememangnya meraih perhatian setiap penduduk dan menghasilkan komen-komen negatif daripada segelintir masyarakat. Komen-komen negatif termasuk penggunaan kata-kata makian, sindiran mahupun diskriminasi kaum.

Tambahan lagi, NBD juga bebas dari Covid-19 hampir setahun. Masyarakat bebas dari penggunaan pelitup muka sejak Mei 2021 disebabkan oleh tiada kes tempatan pada ketika itu. Walaubagaimanapun, pada 7hb Ogos 2021, MOH mengumumkan gelombang kedua Covid-19 yang mulai merebak dan merupakan jangkitan kes tempatan. Pengumuman tersebut kembali menimbulkan kecemasan dan kekhuatiran di kalangan penduduk NBD, serta menyebabkan penyebaran berita palsu di media sosial. Akibatnya, terjadi penggunaan bahasa kesat dalam komen di

media sosial oleh masyarakat NBD yang diteliti dalam analisis kajian ini.

Setakat 12hb Januari 2022, kajian terhadap penggunaan kata makian yang berkaitan dengan jangkitan Covid-19 di NBD amatlah terhad. Namun, kajian lepas yang melibatkan penularan Covid-19 sememangnya semakin berkembang. Kajian Wafiqah Asnola dan Zulfadzlee Zulkiflee (2021) yang bertajuk 'Diskriminasi Kaum Di Negara Brunei Darussalam Dalam Situasi Pandemik Gelombang Kedua COVID-19'. Kajian tersebut menyentuh isu diskriminasi yang berlaku di NBD yang melibatkan program vaksinasi Covid-19. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa penularan wabak Covid-19 ini menjadikan masyarakat di NBD semakin bimbang sehingga terjadinya diskriminasi kaum. Dalam kajian tersebut, disentuh tentang isu diskriminasi kaum yang sememangnya perlu dikawal. Malahan, isu sebegini dipandang ringan oleh segelintir masyarakat. Tindakan membuat perbezaan berdasarkan bangsa, jantina, umur, agama, atau orientasi seksual perlulah diambil berat kerana melibatkan perasaan manusia. Isu sensitif sedemikian sepatutnya tidak berlaku kerana kehidupan di dunia ini melibatkan pelbagai kaum justeru perlulah bersikap adil. Selain itu, bukan sahaja diskriminasi kaum, malah penggunaan kata-kata makian juga perlu dikawal yang sememangnya dapat dilihat semakin selesa digunakan dalam media sosial. Tambahan pula isu yang melibatkan gelombang kedua di NBD.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penggunaan kata-kata kesat semakin meluas digunakan oleh segelintir masyarakat semasa berinteraksi atas talian. Kata makian sering digunakan bagi mengekspresikan emosi sehingga dianggap sebagai cara yang dapat mengukuhkan perasaan tersebut. Terdapat beberapa jenis kata makian seperti cacian, kata-kata kotor, tabu, vulgarisme dan sebagainya. Unsur ini cenderung digunakan sebagai perwujudan ketidaksenangan, kebencian atau ketidakpuasan hati terhadap sesuatu situasi yang dihadapi. Umumnya, majoriti penduduk di NBD sememangnya dari kalangan masyarakat Melayu, kerana NBD merupakan sebuah negara Melayu, dihuni serta ditadbir oleh orang Melayu (Jaluddin Chuchu, 2005). Secara amnya, Melayu dianggap kaya dengan kesantunan berbahasa. Azlina Mohd Kiram dan Raja Masittah (2012) menyatakan kesantunan dalam berbahasa dan perilaku yang baik ketika berinteraksi amat dipentingkan dalam masyarakat Melayu. Namun, semasa penularan Covid-19 di NBD, komen yang ditulis melibatkan penggunaan kata makian adalah dianggap kurang sopan. Masyarakat Melayu di NBD mengamalkan cara hidup dan budaya yang tercermin dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), yang merangkumi elemen kebudayaan, kebahasaan, sosial dan ekonomi. MIB adalah falsafah NBD yang menitikberatkan kepada keunikan identiti Melayu, penganut agama Islam dan pemerintahan beraja. Aspek MIB menekankan nilai-nilai seperti kesetiaan kepada raja dan negara, hormat-menghormati dan ketegasan terhadap prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan harian. Pegangan Islam juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu di NBD (Prof. Dr. Haji Mahayuddin & Muhd Afiq, 2018). Pengaruh agama Islam dapat dilihat dalam pelbagai aspek termasuk adat istiadat, seni, bahasa dan arkitektur. Salah satu contohnya adalah pelaksanaan ibadah solat, puasa Ramadan dan kegiatan keagamaan lain yang menjadi rutin dalam kehidupan sehari-hari.

Secara keseluruhan, cara hidup dan budaya masyarakat Melayu di NBD menonjolkan unsur-unsur MIB dan pegangan Islam sebagai pegangan utama yang membentuk identiti dan keharmonian dalam kehidupan sehari-hari. Namun semenjak penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia, tidak dinafikan bahawa penggunaan kata-kata makian semasa memberikan komen oleh masyarakat semakin meluas apabila terkait dengan isu jangkitan Covid-19 di NBD. Oleh itu, kajian ini menganalisis jenis-jenis penggunaan kata-kata makian dalam ruang *Borneo Bulletin* semasa gelombang kedua di NBD bagi menjelaskan tentang jenis-jenis penggunaan kata-kata makian. Dengan mengkaji penggunaan tersebut, kajian ini membuktikan bahawa ujaran tersebut tergolong dalam ungkapan yang kurang sopan untuk menjadi pilihan ketika menuliskan komen kerana segelintir masyarakat mempunyai pandangan yang berbeza. Pelantar ini telah menjadi saluran utama untuk pertukaran maklumat dan interaksi sepanjang penyebaran Covid-19.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan dua objektif yang ingin dicapai. Iaitu:

1. Mengkategorikan kata-kata makian dalam ruang *Borneo Bulletin* semasa gelombang kedua Covid-19 di NBD berdasarkan teori Magnus Ljung (2011) .
2. Menganalisis tema penggunaan kata-kata makian yang paling dominan digunakan.

METODOLOGI

Untuk memperolehi data komprehensif berkaitan dengan penggunaan kata-kata makian semasa jangkitan Covid-19 di Brunei, pendekatan sistematik telah digunakan untuk memilih ruang *Facebook* yang berkaitan. Proses pemilihan melibatkan mengenal pasti halaman yang membincangkan topik seperti Covid-19, garis panduan kesihatan, sentimen orang ramai dan perbincangan berkaitan wabak Covid-19 di Brunei. Untuk kajian ini, ruang *Borneo Bulletin* telah menjadi rujukan penting dalam analisis teks media. Pemilihan *Borneo Bulletin*, saluran media terkemuka di NBD sebagai sumber utama untuk kajian ini kerana jangkauan dan pengaruhnya yang luas dalam konteks tempatan. Dengan menganalisis kandungan yang dikongsi di halaman *Facebook Borneo Bulletin*, telah memperoleh pandangan berharga tentang corak komunikasi, strategi komunikasi dan wacana awam semasa jangkitan Covid-19 di NBD. Penggunaan Facebook sebagai sumber data membantu mengkaji interaksi dinamik antara media tradisional dan platform media sosial, memberikan pemahaman menyeluruh tentang cara maklumat disebarkan, diterima dan dibincangkan dalam era digital. Selain itu, ruang *Facebook Borneo Bulletin* berfungsi sebagai platform perwakilan untuk penglibatan media dan penyertaan penonton. Komen, reaksi dan perkongsian pada siaran mereka menawarkan penunjuk sentimen awam yang berharga, membolehkan penerokaan respons, kebimbangan dan persepsi komuniti semasa pandemik Covid-19. Dengan mendalami kandungan dan corak penglibatan pada platform ini, boleh mendapatkan pandangan yang lebih mendalam tentang cara naratif media diterima dan berpotensi dicabar dalam konteks Brunei. Tambahan pula, pilihan halaman *Facebook Borneo Bulletin* adalah sejajar dengan rangka metodologi analisis teks kerana menyediakan sumber data teks yang kaya untuk dianalisis secara sistematik. Secara keseluruhannya, pemilihan halaman *Borneo Bulletin* sebagai rujukan utama untuk penyelidikan ini

membolehkan penerokaan menyeluruh teks media, wacana awam dan penglibatan masyarakat dalam konteks jangkitan Covid-19.

Selain itu, data-data yang diperolehi adalah daripada komen dalam ruang *Borneo Bulletin*. Tempoh pengumpulan data adalah dari 7hb Ogos 2021 sehingga 7hb November 2021. Tarikh 7hb Ogos merupakan hari pertama kes jangkitan gelombang kedua Covid-19 di negara ini diumumkan yang membawa kepada kekhawatiran penduduk di NBD yang dapat dilihat menerusi komen ruang *Borneo Bulletin*. Dalam tempoh tiga bulan tersebut, diperolehi sebanyak 19 kata-kata kesat yang digunakan dalam ruang tersebut. Proses pengambilan kata-kata makian bermula dengan membaca setiap pos dan ruangan komen. Kemudian, kata-kata makian yang ditemui telah dicatat dan dianalisis ayat yang dituliskan di dalam ruangan tersebut dalam *Microsoft Word*. Kata-kata kesat disusun mengikut abjad dan frekuensi kata-kata kesat itu dituliskan dalam media sosial. Setelah kesemua kata-kata kesat sudah dikumpulkan dan disusun, dicari makna setiap kata-kata kesat tersebut dalam kamus. Sebagai tambahan, kaedah yang digunakan untuk menghasilkan frekuensi penggunaan kata-kata makian adalah dengan mengira setiap perkataan yang digunakan. Data yang diperolehi dikumpulkan dari komen pengguna media sosial dan kemudian dikaji setiap perkataan dalam komen tersebut. Frekuensi kata-kata makian dikira dengan menghitung jumlah kemunculan setiap kata dalam keseluruhan komen. Dengan menggunakan kaedah ini, dapat mengenal pasti dan menganalisis penggunaan kata-kata makian dalam kajian ini berdasarkan jumlah perkataan yang digunakan oleh pengguna.

Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada penggunaan kata-kata makian berkaitan gelombang kedua Covid-19 di NBD sahaja. Penggunaan kata-kata makian dipetik dari tiga bulan terawal gelombang kedua jangkitan Covid-19 di NBD kerana melalui penelitian data yang diperolehi dari tiga bulan terawal adalah mencukupi bagi penulisan ini. Selain itu, kajian ini juga membataskan pencarian kata-kata makian melalui aplikasi *Facebook* sahaja, kerana ketersediaan data. *Facebook* menyediakan akses terhadap jumlah data yang banyak dan tersedia secara umum melalui observasi. Dibandingkan dengan data melalui aplikasi *Instagram* adalah agak terhad berkaitan penularan Covid-19 di NBD. Data tersebut termasuk kandungan yang dihasilkan oleh pengguna, komen dan interaksi, yang dapat dianalisis untuk mendapatkan data mengenai penggunaan bahasa, sentimen dan sikap terhadap topik tertentu seperti pandemik Covid-19. Ketersediaan data tersebut menjadikannya pilihan yang mudah untuk diakses untuk melakukan penyelidikan. Hal ini memudahkan pengumpulan data bagi penulisan ini. Untuk mengumpulkan data bagi penulisan ini, terdapat lima proses bagi pengumpulan data. Proses termasuk pemilihan platform, iaitu platform yang dipilih untuk mengumpulkan data. Keputusan ini didasarkan pada populariti dan penggunaan yang luas dari platform tersebut, serta aksesibiliti data yang tersedia melalui *Facebook*. Kedua, penggunaan carian sedia ada iaitu ruang carian (*search*) *Facebook* digunakan untuk mengakses data publik yang tersedia di platform tersebut. Pengambilan data seperti konten yang diunggah oleh media, komen dan interaksi. Dengan memanfaatkan ruang carian, data yang relevan dan representatif dapat dikumpulkan untuk analisis lebih lanjut. Proses seterusnya adalah Pemilihan Waktu. Penulis membatasi pencarian data pada tiga bulan awal gelombang kedua

penyebaran Covid-19 di NBD. Jangka waktu ini dipilih kerana dianggap mencukupi untuk memperoleh data yang relevan dan mencerminkan situasi pada saat itu. Yang keempat pula, Pemilihan Ruang Komen. Data yang dikumpulkan difokuskan pada komen yang muncul dalam ruang Borneo Bulletin di *Facebook*. Ruang ini dipilih kerana memiliki pendedahan yang luas berkaitan penyebaran virus Covid-19 di NBD, sehingga memberikan akses yang relevan dan bermakna terhadap data yang diperlukan. Proses yang terakhir adalah Proses Pencatatan. Pencatatan melibatkan pengumpulan komen yang mengandungi kata-kata makian dan dianalisis berdasarkan teori Magnus Ljung (2011). Dengan mengikuti proses tersebut, penulis berhasil mengumpulkan data yang diperlukan untuk menganalisis penggunaan kata-kata makian berkaitan dengan gelombang kedua Covid-19 di NBD. Pendekatan ini memastikan kesahan data yang digunakan dalam penulisan ini. Penulisan ini juga memfokuskan kepada komen-komen yang dituliskan oleh pengguna media sosial berkaitan dengan penularan wabak Covid-19 di NBD. Oleh itu, pemilihan data bagi kajian ini bermula dari 7hb Ogos 2021 sehingga 7hb Februari 2022. Tarikh 7hb Ogos merupakan hari pertama kes jangkitan gelombang kedua Covid-19 di negara ini diumumkan yang membawa kepada kekhawatiran penduduk di NBD yang dapat dilihat menerusi komen ruang *Borneo Bulletin*. Maka, jangka waktu selama tiga bulan adalah memadai bagi mengutip data yang diperlukan untuk kajian ini. Borneo Bulletin telah melaporkan pelbagai laporan sepanjang jangkitan Covid-19 meliputi 'peningkatan kes Covid', 'Operasi Pulih', iaitu yang melibatkan penduduk perlu berada di rumah dari jam 8 malam hingga 4 pagi, yang dilaporkan pada Januari 2022, juga 'kadar kematian yang tinggi', serta 'ditahan kerana tidak mematuhi Operasi Pulih'. Segala laporan yang tersebut telah menghasilkan pelbagai reaksi oleh masyarakat dan mengandungi penggunaan kata kesat seperti yang dianalisis dalam kajian ini.

Kerangka Teori

Teori Magnus Ljung (2011)

Bagi menganalisis data, kajian ini menggunakan teori yang dikemukakan oleh Magnus Ljung (2011) bagi mengkategorikan kata-kata yang diperolehi dalam kajian ini. Menurut Ljung (2011: 5) ada empat kriteria dalam pembahagian makian, iaitu (1) Makian mengandungi kata-kata tabu, (2) Makian non-literal, (3) Makian merupakan bahasa formulaik dan (4) Makian bahasa emotif: fungsi utamanya adalah untuk mencerminkan perasaan dan sikap pembicara. Penggunaan makian merupakan bentuk fungsi bahasa emotif atau ekspresif, iaitu untuk menyampaikan perasaan dari penutur. Fungsi emotif atau ekspresif, iaitu ekspresi langsung dari sikap pembicara terhadap suatu yang dibicarakan. Mahupun ekspresi marah, kesal, kecewa dan kesal. Menurut Ljung (2011), makian merupakan sebahagian daripada ungkapan yang mengandungi perkataan tabu. Perkataan pantang larang itu sendiri tidak sesuai untuk disebut kerana ia membawa kepada ujaran negatif. Walaupun perkataan pantang larang berbeza dengan makian, makian juga merupakan sebahagian daripada lafaz pantang larang kerana mempunyai makna bukan literal (Ljung 2011). Ljung (2011) mengkategorikan pantang larang bahasa Inggeris dengan melibatkan rujukan seksual, kata-kata kotor, rujukan skatologi dan menjijikkan, nama haiwan, penghinaan etnik-kaum-jantina, rujukan yang menghina, istilah kesat dan slanga menyinggung

perasaan. Lebih-lebih lagi, kebanyakan penutur melafazkan sumpah seranah perkataan menggunakan intonasi, tekanan, dan nada suara yang tinggi (Ljung 2011). Oleh itu, makian adalah dianggap kurang sopan secara sosial di sekeliling masyarakat. Kajian berkaitan kata makian dalam konteks tabu memberikan pandangan tentang dinamika sosial dan budaya penggunaan bahasa. Penggunaan makian menyerlahkan bagaimana bahasa boleh digunakan untuk meluahkan emosi, menegaskan kuasa atau mencabar norma masyarakat. Selain itu, juga memberi penerangan tentang peranan tabu dalam membentuk bahasa dan komunikasi, serta akibat sosial yang berkaitan dengan pelanggaran bahasa pantang larang. Secara ringkasnya, makian dan tabu adalah saling berkaitan kerana makian melibatkan penggunaan bahasa yang dianggap tabu yang melanggar norma dan nilai sosial. Memahami hubungan antara makian dan tabu menyumbang kepada pengetahuan tentang bahasa, budaya dan dinamik sosial.

Selain itu, bagi kategori tabu, Ljung (2011: 35) membahagikan kepada lima tema utama, iaitu 1) Tema keagamaan/ ghaib, 2) tema skatalogi, 3) tema organ seks, 4) tema aktiviti seksual dan 5) *the mother (family) theme*. Tema skatalogi menerangkan idea atau perkataan yang merujuk kepada najis atau minat terhadap najis (Grammarist, 2022). Skatologi kadangkala digunakan dalam erti kata yang lebih luas untuk bermaksud kelucahan, tetapi biasanya merujuk kepada najis. Kata-kata sedemikian biasanya dianggap sebagai kata-kata makian, dan tidak sesuai dalam situasi komunikasi formal. Oleh itu, analisis kajian dalam penulisan ini memfokuskan pengkategorian mengikut tema dalam penggunaan kata-kata makian yang digunakan oleh penduduk di NBD. Sebagai tambahan, Ljung (2011) juga memperkenalkan tema sampingan (*minor theme*) yang termaktub di dalamnya lima pembahagian iaitu ketutruan (ancestors), haiwan, kematian, penyakit dan pelacuran. Ljung (2011) juga memperkenalkan kategori *name-calling* dalam buku beliau seperti penggunaan '*you Idiot!*' atau '*snob*' sebagai contoh untuk ujaran makian.

Berikut adalah rajah yang menggambarkan pembahagian makian berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh Ljung (2011):



Gambar 1. Hubungan antara pembahagian makian dan kategori tabu

Rajah (Gambar 1) menggambarkan hubungan antara pembahagian makian dan kategori tabu. Kategori tabu kemudian dibahagikan kepada lima tema utama, iaitu tema keagamaan/ghaib, tema skatalogi, tema organ seks, tema aktiviti seksual dan tema ibu (keluarga) seperti yang diuraikan oleh Ljung (2011).

Sorotan Literatur

Penggunaan kata-kata makian kadangkala berbeza di antara individu dengan individu lainnya. Punca situasi ini berlaku sukar ditentukan sebab-sebabnya, tetapi menurut Jay (2000), punca terjadinya berlainan penggunaan kata-kata makian adalah disebabkan faktor persekitaran sosial dan budaya, keluarga serta masyarakat setempat yang menjadikan sesuatu kata itu mengalami perkembangan dan perubahan (Jay, 2000). Begitu juga halnya dalam kajian ini. Diperoleh pelbagai kata makian yang dituliskan dalam aplikasi *Facebook* dalam ruang komen *Borneo Bulletin*. Selain itu, ditemui kajian terdahulu yang dikaji oleh pengkaji luar sebagai sandaran dalam kajian ini. Menurut Dewi Yanti dan Rai Bagus (2020), dalam kehidupan bersosial, terkadang penggunaan bahasa dapat menyinggung orang yang diajak berbicara. Ungkapan tersebut sering disebut atau dikategorikan sebagai makian (Dewi Yanti & Rai Bagus, 2020). Walaupun penggunaan kata makian dianggap menyinggung perasaan, namun sejak akhir-akhir ini, melalui data yang diperoleh, masyarakat seakan selesai berkomunikasi menggunakan bahasa yang kurang sopan dan tidak berhemah di tempat awam. Begitu juga dalam penulisan Dewi Yanti dan Rai Bagus (2020), menyatakan bahawa perkembangan zaman dan teknologi di Indonesia dapat dilihat pada penggunaan makian yang dilakukan dalam aktiviti berbahasa masyarakat Indonesia. Penggunaan bahasa makian kini tidak hanya dalam ragam lisan, kini menyebar pula pada ragam tulis. Kajian tersebut menemui penggunaan kata makian dilihat dari segi indeks usia, jenis kelamin dan pendidikan mempengaruhi referensi makian yang dihasilkan. Sememangnya tidak dinafikan bahawa penyebaran bahasa makian juga terkait dengan perkembangan teknologi yang mudah diakses oleh setiap masyarakat. Pengaruh interaksi sosial juga merupakan satu lagi sebab berlakunya penggunaan kata makian yang dilihat semakin meningkat. Jay (2000) mengambil tanggapan bahawa manusia menggunakan kata-kata makian kerana mereka tidak cukup bijak untuk menyatakan diri mereka dengan cara lain apabila emosi tidak stabil. Menurut beliau, sebab utama penggunaan makian ini adalah suatu luahan pemikiran seseorang. Sebagai tambahan, dalam buku Ljung (2011) bertajuk *Swearing: A Cross-Cultural Linguistic Study*, kata makian atau sumpahan berlaku disebabkan emosi yang tidak terkawal. Diertikan sebagai ekspresi langsung sikap penutur terhadap isu yang dituturkannya, fungsi emotif merangkumi keseluruhan perasaan yang mungkin ada pada seseorang (Jay, 2000). Malah, kata-kata tersebut sememangnya muncul dalam masyarakat, lebih-lebih lagi jika emosi seseorang terganggu. Seringkali terjadinya penggunaan makian apabila seseorang sedang marah, kecewa dan sebagainya. Dipercayai bahawa kata-kata makian adalah salah satu cara untuk menunjukkan ekspresi emosi dan hampir mustahil untuk mengukuhkan ekspresi emosi tanpa menggunakan kata makian (Jay, 2000).

Seperti kajian Kuswidyanto dan Widyastuti (2014) membuktikan bahawa kata makian '*fuck*' cenderung sering diucapkan dan muncul dalam berbagai konteks di film *Bachelorette*. Bukan sahaja pada dialog seharian, namun dalam penulisan dialog perfileman juga tidak terkecuali menggunakan kata-kata makian. Dalam penulisan

kedua penulis tersebut, kata-kata makian diucapkan untuk menyatakan perasaan marah, kecewa, terkejut atau kemalangan yang tidak dijangka, dan pemberian sokongan. Untuk kemarahan perasaan, penceramah dalam filem tersebut menggunakan Tuhan, sial, bangsat, persetan dan 'motherfucker'. Untuk meluahkan kekecewaan, penceramah menggunakan neraka, sial, 'fuck', dan 'fucking'. Dalam memberi sokongan, penggunaan kata makian fuck adalah yang paling dominan. Kata-kata sedemikian cenderung untuk diucapkan oleh wanita dalam keadaan tertentu dalam filem *Bachelorette*. Penulisan tersebut berhasil menjumpai ke empat-empat tema yang dibahagikan oleh Ljung (2011).

Selanjutnya, kajian Nicolas dan Pujante (2021) menunjukkan bahawa ungkapan kata makian termasuk penghinaan, ancaman dan menyatakan suruhan. Ungkapan-ungkapan ini dianggap sebagai bahagian daripada budaya permainan secara atas talian dan memainkan banyak fungsi, seperti untuk meningkatkan keseronokan, mengalihkan perhatian lawan, membantu melepaskan kemarahan dan memberikan rasa kebebasan kepada pemain. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual, rakaman suara dan pemerhatian tidak formal. Penggunaan kaedah-kaedah sedemikian amatlah bersesuaian dan berkesan memandangkan data-data yang diperolehi adalah semulajadi dan bukan direka semata-mata. Kajian kuantitatif yang digunakan dalam kajian beliau memanfaatkan mereka kerana dapat meraih data yang dapat diukur dan menghasilkan hasil yang dipercayai. Menurut Madrigal dan McClain (2012), 'keberkesanan kajian kuantitatif memberikan data yang bersifat deskriptif, kerana membolehkan kita mendapat data daripada populasi yang besar'. Ini bermaksud dengan penggunaan kaedah kuantitatif, keberkesanan sebuah kajian tidaklah diragui. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa penggunaan kata-kata makian dalam permainan atas talian adalah perkara biasa dan tidak dianggap menyinggung perasaan. Ini juga disebabkan oleh budaya sosial bangsa luar yang tidak menitikberatkan tutur kata yang halus ketika bertutur.

Selain itu, kajian oleh Loae Fakhri Jdetawy (2019) tertumpu kepada penggunaan kata-kata makian dalam bahasa Inggeris sahaja. Oleh yang demikian, penggunaan kata-kata makian penutur Barat mungkin berbeza dengan penutur Melayu. Memandangkan penutur Melayu terkenal dengan budaya yang sering dikaitkan dengan tutur kata yang halus. Sedangkan penutur Barat lebih terkenal dengan sifat bertutur secara terus terang. Sebagai contoh, terdapat kata-kata makian yang dianggap ofensif di England contohnya perkataan *wog*, *bollocks*, *bloody*, tetapi tidak dianggap ofensif di Amerika (Jay, 2000).

Selanjutnya, kajian Rizky Amalia Maulidiatsani (2015) menunjukkan perbandingan kebiasaan mencaci oleh dua tokoh yang berbeza latar belakang dengan tujuan untuk menunjukkan pengaruh latar belakang sosial terhadap kebiasaan menggunakan kata makian. Namun, dalam kajian tersebut data yang diperolehi adalah melalui filem. Secara amnya, data yang diperolehi mungkin sahaja diragui kesahihannya disebabkan dialog dalam perfileman adalah direka, maka data yang diperolehi bukanlah suatu yang kukuh. Walaupun pada dasarnya mengkaji filem merupakan sebuah kajian yang diterima, tetapi bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan kata-kata makian, data yang diperolehi tidaklah semula jadi.

Selanjutnya, kajian Nadhifa Indana Zulfa (2019) menunjukkan bahawa kata-kata tabu yang digunakan dalam media sosial terdiri atas: (1) kata-kata cabul (*obscenet*), (2)

bahasa vulgar (*vulgar language*), serta (3) penyebutan nama dan hinaan (*name-calling and insult*). Walaupun kajian beliau menjumpai tiga aspek kata-kata tabu berkaitan dengan penggunaan kata-kata makian, namun data yang digunakan adalah terhadap iaitu hanya menggunakan satu teks sahaja bagi penganalisan data. Kajian beliau akan menjadi lebih menarik jika data beliau adalah lebih luas. Namun, kajian beliau masih menarik kerana beliau menyentuh bidang Linguistik Forensik dengan mengaitkan penggunaan kata-kata makian yang melanggar hukum.

Tambahan lagi, kajian Sri Siti Puji et al. (2018) menyimpulkan bahawa bahasa makian yang ditemukan adalah referensi makian dari segi keadaan, binatang dan profesi. Hal yang sama juga didapati dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan data kajian. Data kajian yang diperoleh sebanyak empat jenis teks sahaja dalam media sosial. Hasil dapatan yang agak terhad. Namun, kajian mereka akan menjadi lebih menarik jika mereka meninjau dengan lebih luas serta menambahkan lagi data mereka. Serta analisis secara deskriptif dengan mengkategorikan kata-kata makian yang diperoleh daripada media sosial dengan berlandaskan pendekatan Rai Nice Triadi (2017).

Berikutnya, kajian Mohd Saipuddin Suliman et al. (2021) mengetengahkan isu pandemik Covid-19 berdasarkan perspektif bahasa, sastera dan budaya. Hasil kajian mereka mengutarakan pandangan bahawa impak pandemic telah mengubah secara tidak langsung dunia kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan. Menerusi aspek kebahasaan, beberapa perkataan yang jarang diguna pakai sebelum ini menjadi tular penggunaannya. Menerusi bidang kebahasaan, selain pemakaian istilah yang tidak standard, terdapat juga permasalahan lain telah dikenal pasti. Antaranya seperti pemahaman maklumat yang salah khususnya oleh warga asing yang menetap di negara Malaysia. Sebagai contoh, warga asing tidak dibenarkan untuk hadir Solat Jumaat serta solat berjemaah di masjid atau di surau. Namun, terdapat segelintir warga asing yang tetap hadir dan akhirnya. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mereka agak umum dan tidak diperinci secara mendalam. Walaubagaimanapun, kajian mereka mempunyai jalinan persamaan dengan kajian pengkaji iaitu meneliti penggunaan bahasa semasa jangkitan Covid-19, namun aspek sastera tidak dikaji dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Setelah pengumpulan data melalui media sosial *Facebook*, khususnya dalam *Borneo Bulletin*, berikut merupakan senarai kata-kata makian yang dituliskan oleh masyarakat berkaitan dengan pelbagai berita yang diunggah di laman tersebut mengenai jangkitan Covid-19 di NBD semasa gelombang kedua beserta makna kata-kata makian tersebut berlandaskan PRPM dan kamus Melayu Brunei yang dirujuk dari ruangan carian *Google*.

Jadual 1. Penggunaan Kata-kata Makian

Bil.	Kata Makian	Makna Kata (PRPM & DMB)	F
Data 1	Babal/Babalian	putik nangka, kebabal. (Kamus Dewan Edisi Keempat) Degil (Mengenali Dialek Melayu Brunei (ruangan carian <i>Google</i>))	18

Bil.	Kata Makian	Makna Kata (PRPM & DMB)	F
Data 2	Mantingal	- (PRPM) Keras kepala (DMB)	6
Data 3	Mati	Tidak bernyawa (PRPM & DMB)	2
Data 4	Gila	Tidak sihat atau tidak waras fikirannya (PRPM & DMB)	4
Data 5	Paloi	- (PRPM) Sukar mengerti/bodoh (DMB)	4
Data 6	Sial	Tidak beruntung (PRPM & DMB)	2
Data 7	Buduh	sukar mengerti atau mempelajari sesuatu, bebal, dungu, tolol (PRPM) Tidak memiliki pengetahuan (DMB)	4
Data 8	Baie	- (PRPM) Babi (sumpahan - DMB)	1
Data 9	Babi	binatang mamalia yg berbadan gemuk, berkaki pendek, berkulit tebal, dan bermuncung (diharamkan bagi orang Islam) (PRPM & DMB)	2
Data 10	Banggang	sukar mengerti atau mempelajari sesuatu, bebal, dungu (PRPM) Bodoh (DMB)	3
Data 11	Jubur	dubur. (Kamus Dewan Edisi Keempat)	2
Data 12	Talor	tidak dapat mengucapkan kata-kata dgn sebutan yg betul, pelat: dr ~ per-cakap-annya dapat diketahui dr mana dia datang; lidahnya ~ tidak boleh berkata dgn terang (jelas);keteloran perihal telor (salah ucapan). (PRPM) Bodoh, bebal, melakukan sesuatu yang sia-sia (DMB)	2
Data 13	Taie	hampas makanan dlm perut (manusia, binatang) yg keluar melalui dubur, najis: ~ anjing; ~ kambing; najis atau ~ itu mengan-dungi benda-benda yg kasar yg tidak dapat diserap oleh tubuh; 2. berbagai-bagai hampas, karat, kotoran, sisa; (PRPM & DMB)	2
Data 14	Setan/Syaitan	makhluk halus yg jahat (meng-galakkan orang membuat kejahatan dsb); kesyaitanan spt syaitan: ia bersifat meng-hina manusia yg korup dan bersifat ~; setan. (PRPM & DMB)	1
Data 15	Damn	-	1
Data 16	Bangsat	orang jahat (pencuri dll): apa guna mempedulikan si ; (orang) miskin (PRPM & DMB)	1
Data 17	Celaka/Cilaka	malang, sial, tidak baik: nasibnya sungguh: sesuatu yang menyebabkan penderitaan (PRPM & DMB)	1

Bil.	Kata Makian	Makna Kata (PRPM & DMB)	F
Data 18	<i>Oh Hell</i>	-	1
Data 19	Anjing/Anjir	Sejenis binatang menyalak (ada yg dipelihara untuk menjaga rumah dsb dan ada yg liar) (PRPM & DMB)	1

Dari kategori yang sudah ditampilkan pada jadual 1 di atas, tersenarai kata-kata makian yang dituliskan oleh penduduk di NBD ketika gelombang kedua jangkitan Covid-19 dalam ruangan komen *Borneo Bulletin*. Adapun tema kata-kata makian yang diperolehi dalam kajian ini adalah pada tema keagamaan/ghaib, skatologi dan tema organ seks. Manakala tema berkaitan dengan aktiviti seksual dan tema ibu (keluarga) tidak diperolehi dalam kajian ini. Hal ini disebabkan oleh budaya Melayu yang mementingkan kesantunan berbahasa apabila bertutur, oleh itu, dalam situasi emosi yang terkawal pun penduduk NBD masih mengekalkan kesantunan berbahasa dengan tidak melibatkan organ seks mahupun panggilan ibu (keluarga) kerana hal ini agak sensitif untuk disentuh. Seperti pendapat Intan Norjahan Azman et al. (2020), berdasarkan sejarah, di Malaysia, kesantunan merupakan identiti bagi puak Melayu dan hal ini disebabkan oleh pengaruh daripada ajaran Islam. Berbeza dengan pandangan budaya Timur, hal-hal yang berkaitan dengan makian selesai digunakan kerana sifat semulajadi yang mengekalkan pemikiran secara terbuka. Menurut Ljung (2011), dalam agama Kristian tetapi tidak dalam budaya Islam nama Tuhan, *Christ* dan lain-lain akhirnya tidak dianggap tabu dan makian melibatkan agama kini dianggap sebagai jenis makian yang ringan. Hal ini membuktikan bahawa sememangnya peranan budaya di sini yang menjadikan penggunaan kata makian yang berbeza oleh setiap individu.

Jadual 2. Penggunaan Kata ‘babal’

BABAL		
DATA	PENGUNAAN KATA MAKIAN	TERJEMAHAN AYAT
PENULIS 1	Babal bah jelama ani. Time Covid ani adangtah dulu berhimpun’	degil juga manusia ini. Semasa Covid kurangkan berhimpun’
PENULIS 2	kenapakan orang Bunai ani makin babal ? Payah kah kan ikut arahan MOH ani? Untuk kebaikan diri jua..	Mengapa rakyat Brunei semakin degil? Susah kah mahu dengar arahan MOH? Demi kebaikan sendiri juga’

Selanjutnya, kekerapan yang ditemui dalam kajian ini adalah pada tema *name-calling* dalam penggunaan kata makian. Kata-kata makian yang termasuk dalam kategori ini adalah paloi, gila, babal, buduh dan sebagainya. Hal ini berpunca kerana emosi yang tidak terkawal disebabkan oleh kepanikan para individu. Posisi kedua ada pada kategori *taboo*: skatologi, adapun kata-kata yang ditemukan pada kategori ini adalah seperti taie. Selain itu, ditemui juga penggunaan kata ‘babi’ dan ‘anjing’ iaitu

merujuk kepada panggilan binatang ketika memberikan komen yang dikategorikan dalam 'minor theme' dalam panggilan binatang. Oleh itu, daripada lima tema utama dan lima tema kecil (minor theme) yang dikemukakan oleh Ljung (2011), hanya empat tema sahaja yang dapat dikaitkan dalam data kajian ini. Hal ini mungkin disebabkan oleh perbezaan budaya antara budaya Barat dengan budaya Melayu. Tema yang ditemui adalah pada tema skatologi, organ seks, *name-calling*: panggilan binatang dan tema keagamaan/ghaib.

Sebagai tambahan, pengkategorian yang disesuaikan adalah berdasarkan situasi penggunaan kata-kata makian dalam ruangan komen oleh masyarakat. Analisis kajian data yang dipetik melalui aplikasi *Facebook* adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 2.

Situasi: Si penulis memberi komen menyatakan perasaan risau dengan menggunakan kata makian 'babal' merujuk kepada individu yang masih tidak peduli dengan nasihat MOH dan mengadakan perhimpunan ramai ketika Covid-19 melanda. Walhal, pada ketika itu, MOH telah mengisytiharkan sekatan kepada penduduk Brunei untuk tidak mengadakan perhimpunan ramai. Namun, masih ditemui sesetengah penduduk yang masih mengadakan perhimpunan yang menjadikan si penulis merasa bimbang dan cemas.

Tema menurut Ljung (2011): Kata 'babal' yang digunakan oleh pengguna komen tersebut adalah dikategorikan sebagai *name-calling*. Apabila individu menggunakan *name-calling* atas sebab ini, merupakan satu bentuk penderaan lisan ataupun makian menurut Ljung (2011). Kata 'babal' dalam frasa tersebut merupakan kata makian, iaitu orang yang dimaki tersebut dirasa tidak tahu apa apa. Makian dengan kata tersebut merupakan kelemahan seseorang yang diungkapkan. Punca utama penggunaan kata makian dalam hal ini melibatkan emosi yang tidak terkawal kerana si penulis merasa cemas walaupun hakikatnya si penulis juga memberi nasihat dalam ayat seterusnya untuk tidak mengadakan perhimpunan ramai. Seperti pendapat Ljung (2011) bahawa makian, dalam banyak bahasa, bertujuan untuk menyatakan kesakitan, kejutan atau kegusaran. Perasaan cemas yang mendorong si penulis untuk menggunakan kata makian 'babal' ini dikategorikan sebagai *name-calling*.

Jadual 3. Penggunaan Kata 'banggang'

BANGGANG		
DATA	PENGUNAAN KATA MAKIAN	TERJEMAHAN AYAT
PENULIS 1	Banggang! Selfish banar. nada menyalas usul muka durang. Senyum tah kamu lagi dalam penjara'	Benggang! Penting kan diri sendiri. Tiada menyalas wajah mereka. Senyum lagi kamu dalam penjara'
PENULIS 2	layak th kamu kena penjara. Banggang th lgi!	Layak kamu di penjara. Terus kan jadi benggang'
PENULIS 3	'Hahaha.. Muka orang kabal saja ni. Banggang! '	Hahaha. Wajah manusia kebal ni. Benggang!'

Situasi: komen ini ditemui dalam ruang Borneo Bulletin berkaitan dengan Operasi Pulih untuk berada di dalam rumah semasa jam 8 malam hingga 4 pagi. Bagi yang enggan untuk mematuhi perintah berada di rumah sepanjang jam tersebut, dikenakan saman dan jika tidak mampu membayar saman, akan dipenjarakan. Penulis komen tersebut menyatakan perasaan marah dengan menggunakan kata makian 'banggang' dengan penggunaan tanda seru untuk meluahkan perasaan marah kepada si pelaku yang melanggar perintah kerajaan. Penulisan kata makian itu diikuti pula dengan intonasi bengis untuk menandakan perasaan kesal terhadap masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Seperti pendapat Jay (2000), makian ialah penggunaan bahasa tabu dengan tujuan menyatakan perasaan emosi penutur dan menyampaikan maklumat tersebut kepada pendengar.

Tema menurut Ljung (2011): Kata 'banggang' yang digunakan oleh pengguna komen tersebut adalah dikategorikan sebagai *name-calling*, serupa dengan penggunaan kata 'babal'. Penggunaan kata dasar 'banggang' dalam frasa tersebut merupakan kata makian dalam DMB, yang bermaksud tidak tahu apa apa. Punca penggunaan kata makian dalam hal ini dapat dilihat dari segi penulisan komen tersebut, iaitu melibatkan perasaan marah dengan sikap sesetengah masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Perasaan marah yang mendorong si penulis untuk menggunakan kata makian 'banggang' ini dikategorikan dalam tema *name-calling* berdasarkan pengkategorian Ljung (2011).

Jadual 4. Penggunaan Kata 'talor'

TALOR		
DATA	PENGUNAAN KATA MAKIAN	TERJEMAHAN AYAT
PENULIS 1	Yatah spisis manusia selfish! Membali inda memikirkan org yg memerlukan. Ampiti jua deh orang lain. Talor banar'	Ini lah wajah manusia penting kan diri! Membeli tanpa fikirkan orang yang memerlukan. Telur betul'
PENULIS 2	talor jua.. Sanitizer pun kan diborong. Ampiti deh orang lain	Telur betul. Sanitizer pun mahu diborong. Kongsi dengan orang lain juga'

Situasi: komen-komen ini ditulis semasa jangkitan Covid-19 meningkat di NBD dan masyarakat disarankan supaya mengetatkan SOP seperti untuk memakai sungkup muka, menjaga kebersihan dengan mencuci tangan dengan sabun ataupun *sanitizer*. Hal ini menyebabkan segelintir masyarakat mula merasa panik dan akhirnya berlaku *panic buying*. Penulis-penulis tersebut menyatakan perasaan kecewa dengan menggunakan kata makian 'talor' untuk merujuk orang yang mementingkan diri sendiri. Pada dasarnya, maksud kata 'talor/telor' merujuk kepada sebiji telur, atau makanan. Namun, dalam DMB kata 'talor' merujuk bodoh, bebal, melakukan sesuatu yang sia-sia.

Tema kata makian 'talor' di sini juga termasuk dalam *name-calling* (Ljung, 2011). Hal ini kerana penggunaan kata dasar 'talor' merupakan kata makian dalam DMB, yang bermaksud bodoh. Penggunaan kata makian ini merujuk kepada ujaran negatif. Berkaitan dengan pengertian makian, Ljung (2011) mendefinisikan kata makian adalah sebuah ungkapan yang dilihat sebagai penyaluran daripada suatu emosi dan merupakan reaksi daripada seorang penutur yang menggunakan kata-kata tabu dalam bersikap emotif. Oleh itu, dapat dikaitkan dalam data ini, bahawa emosi si penulis ini merupakan perasaan kesal yang mendorong si penulis untuk menggunakan kata makian 'talor' dan dikategorikan dalam *name-calling*. Punca penggunaan kata makian dapat dilihat dari segi penulisan komen tersebut, iaitu melibatkan perasaan kesal dengan sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan membeli lebih daripada yang diperlukan.

Jadual 5. Penggunaan Kata 'paloi'

PALOI		
DATA	PENGUNAAN KATA MAKIAN	TERJEMAHAN AYAT
PENULIS 1	Paloi jelama ani, disuruh teranah dirumah, biar pulang ia kuai-kuai. Mudahantah orang cemani yang tekana covid, amin	Bodoh manusia ini, diarah kan untuk berada di rumah, mereka berjalan pula. Semoga manusia begini dijangkiti Covid, amin
PENULIS 2	Adang2th tunjukkan paloi atu ah	Cukup lah tunjukkan bodoh itu
PENULIS 3	paloi bnr	Bodoh betul

Situasi: Ditemui penggunaan kata 'paloi' ditulis ketika masyarakat NBD disarankan untuk berada dalam rumah jika tidak ada keperluan untuk keluar rumah. Hal ini adalah langkah kerajaan untuk menangani jangkitan Covid-19 supaya tidak meningkat. Namun, ditemui segelintir masyarakat yang masih enggan mematuhi perintah tersebut dan masih dilihat keluar rumah tanpa ada keperluan seperti untuk berkemah, menghadiri majlis dan sebagainya. Hal ini menyebabkan penulis-penulis komen tersebut mula merasa marah sehingga mendoakan agar si pelaku dijangkiti Covid-19. Si penulis menyatakan perasaan marah dengan menggunakan kata makian 'paloi' untuk merujuk orang yang mementingkan diri sendiri. Bentuk referen makian 'paloi' ini mengungkapkan emosi atau kekesalan yang dirasakan terhadap seseorang. Menurut Ljung (2011), tema ini juga dikategorikan sebagai *name-calling*. Penggunaan kata dasar 'Paloi' merupakan kata makian dalam DMB, yang bermaksud bodoh. Punca penggunaan kata makian dapat dilihat dari segi penulisan komen tersebut, iaitu melibatkan perasaan kesal dengan sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri.

Jadual 6. Penggunaan Kata 'baie'

BAIE		
DATA	PENGUNAAN KATA MAKIAN	TERJEMAHAN AYAT
PENULIS 1	Baie kali.. Adang luan kamu kan melawan kerajaan. Dangar tah nasihat yg kna suruh atu.teranah th dirumah	Babi betul. Cukup lah melawan Kerajaan. Dengar nasihat yang diarahkan
PENULIS 2	baie bnr, babal pisinnya	babi betul, degil

Situasi: Penulis memberi komen bagi menyatakan perasaan bimbang dengan menggunakan kata makian 'baie' merujuk kepada individu yang tidak mematuhi perintah kerajaan ketika Covid-19 melanda. Komen ini ditulis ketika masyarakat NBD disarankan untuk berada dalam rumah jika tidak ada keperluan untuk keluar rumah. Namun, ditemui segelintir masyarakat yang masih enggan mematuhi perintah tersebut dan keluar rumah tanpa ada keperluan. Hal ini menyebabkan si penulis mula merasa marah sehingga menggunakan kata makian 'baie' untuk merujuk orang yang enggan mematuhi perintah kerajaan.

Tema penggunaan kata makian 'baie' juga dikategorikan dalam *name-calling* (Ljung, 2011). *Name-calling* menurut Ljung (2011) ialah memberi seseorang label buruk atau negatif dengan menggunakan nama yang mudah diingat. Dalam bahasa Inggris, contoh penggunaan *name-calling* adalah seperti *idiot*, *stupid*, *moron* dan sebagainya. Penggunaan kata dasar 'baie' merupakan kata makian dalam DMB. Pada dasarnya, kata 'baie' diambil dari perkataan 'bayi' yang bermaksud anak kecil. Namun, disebabkan globalisasi, kata 'baie' berubah menjadi suatu kata yang negatif dan merupakan suatu kata makian. Selain itu, punca penggunaan kata makian tersebut dapat dilihat dari segi penulisan komen tersebut, iaitu melibatkan perasaan kesal dengan sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri.

Jadual 7. Penggunaan Kata 'taie'/'jubur'

TAIE/JUBUR		
DATA	PENGUNAAN KATA MAKIAN	TERJEMAHAN AYAT
PENULIS 1	mcm taie kau ah.. Perasan gagah	seperti tahi. Tunjuk berani
PENULIS 2	eyh ada otak kan? Pakai untuk berpikir. Jubur banar'	ada otak kah tidak? Gunakan untuk berfikir. Burit betul

Penggunaan kata dasar 'taie' dan 'jubur' merupakan kata makian dalam DMB. Pada dasarnya, kata 'taie' diambil dari perkataan 'tahi' yang bermaksud hampas makanan dalam perut (manusia, binatang) yang keluar melalui dubur (PRPM). Mengajukan kata 'taie' kepada individu merupakan penggunaan ujaran berbentuk makian. Hal ini kerana kata yang kasar dan keji untuk menghina, memarahi dan sumpah seranah merupakan definisi makian. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Kata 'taie' dan 'jubur' sudah jelas melambangkan kata yang kurang elok untuk digunakan. Oleh itu, menurut Ljung (2011), penggunaan kata-kata makian yang berkaitan dengan najis termasuk di dalam tema skatologi.

KESIMPULAN

Daripada hasil penelitian, ditemui bentuk kata makian yang dituliskan dalam ruang komen Borneo Bulletin adalah bentuk kata dasar. Bagi tema kata makian pula, ditemui empat tema kata makian menurut pandangan Ljung (2011) iaitu, a) tema name-calling yang bererti penggunaan makian dengan panggilan buruk. b) tema Skatologi iaitu makian yang dituturkan melibatkan najis. Kata-kata sedemikian biasanya dianggap sebagai kata-kata makian, c) Tema keagamaan/ghaib yang merujuk kepada penggunaan makian yang melibatkan makhluk ghaib, d) Tema binatang iaitu menggunakan panggilan binatang terhadap orang yang dimaki secara langsung. Tema yang melibatkan organ seks mahupun aktiviti seks tidak ditemui dalam penggunaan kata-kata makian masyarakat NBD. Hal ini mungkin disebabkan oleh perbezaan antara budaya Barat dengan budaya Melayu. Memandangkan Ljung merupakan sarjana Barat, maka hasil dapatan beliau adalah lebih luas kerana budaya Barat yang dikenali dengan fiikiran yang terbuka. Maka penggunaan kata-kata makian yang melibatkan organ seks mahupun aktiviti seks bukanlah suatu yang sensitif. Sebagai contoh, ditemui penggunaan kata makian 'fuck' 'bitch' dan sebagainya dalam perfileman Barat. Selain itu, penggunaan kata makian yang paling dominan pula adalah pada kata babal, banggang dan mantingal. Hal ini disebabkan oleh perasaan cemas ketika gelombang kedua jangkitan Covid-19 di NBD. Manakala makna referensial kata makian yang paling dominan ditemui dalam kajian ini dikategorikan kepada penggunaan kata Taboo: name-calling dan panggilan binatang.

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan kata-kata makian dalam komen media sosial semasa gelombang kedua pandemik Covid-19 di NBD. Melalui metodologi yang melibatkan pengumpulan data, pemerhatian dan analisis, kajian ini berjaya mencapai objektifnya. Dapatan kajian ini mendedahkan tema dan kategori kata makian yang digunakan oleh pengguna media sosial di NBD dalam tempoh masa yang ditetapkan. Juga memberikan pandangan tentang kelaziman dan corak penggunaan makian dalam konteks pandemik, menjelaskan dinamik bahasa dan tingkah laku komunikasi semasa gelombang wabak. Berdasarkan analisis, dapat diperhatikan bahawa sumpah seranah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti latar belakang sosial dan budaya, pengaruh persekitaran dan perspektif psikolinguistik. Oleh demikian, adalah penting untuk meneliti kesan makian terhadap interaksi sosial dan mempertimbangkan implikasinya dalam komunikasi dalam talian dan luar talian. Kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjut tentang kesan makian ke atas individu dan

masyarakat, serta pembangunan strategi untuk mengurus dan mengurangkan akibat negatif daripada makian yang berlebihan.

Oleh itu, ketika melayari media sosial, kebebasan bukan bererti seseorang dapat menulis sewenang-wenangnya. Penggunaan bahasa yang digunakan untuk berinteraksi di media sosial seolah tidak lagi menitikberatkan kesantunan. Selain kerana si pengguna dapat bersembunyi di sebalik akaun media sosialnya, jarak yang tercipta antara dirinya dengan lawan tuturnya juga membuatkan si pengguna merasa aman untuk mengeluarkan ujaran dengan sebebannya. Masyarakat sekarang lebih selesa menggunakan kata-kata makian dalam situasi bergurau mahupun ketika marah, yang menjadikan kata-kata makian itu dituturkan seperti bahasa seharian. Isu seperti ini amat membimbangkan kerana penggunaan kata-kata makian adalah kurang elok untuk dituturkan namun penggunaannya masih berleluasa. Pengkategorian tema yang dikemukakan oleh Ljung (2011) menjadi pendekatan berkesan bagi menganalisis tema-tema penggunaan kata makian dalam penyelidikan ini. Penyelidik akan datang diharap dapat meneruskan lagi kajian ini secara komprehensif menggunakan pendekatan berbeza.

REKOMENDASI

Untuk kajian lanjut, kajian mengenai penggunaan bahasa kesat sepanjang penularan wabak Covid-19 di NBD boleh dijalankan bagi melihat pola penggunaannya. Ini akan membantu dalam memahami aspek psikologi pengguna ketika menghadapi wabak berkenaan yang terpancar menerusi penggunaan bahasa mereka.

Kontribusi Penulis

FBAS & ARD: Konseptualisasi, FBAS; metodologi, ARD; pengesahan, FBAS; penyelidikan, FBAS & ARD; sumber rujukan dan pengolahan data, FBAS; penulisan draft awal, FBAS & ARD; menyunting naskah, ARD; visualisasi, ARD; penyeliaan naskah akhir. Semua penulis sudah membaca dan bersetuju untuk menerbitkan manuskrip ini.

Pendanaan

Penyelidikan ini tidak mendapat sebarang pembiayaan.

Konflik Kepentingan

Penulis menyatakan bahawa tidak ada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Dewi Yanti & Rai Bagus Triadi. (2020). 'Penggunaan makian bahasa Indonesia pada kolom komentar akun Instagram Lambe Turah (Kajian Sociolinguistik). *Jurnal Sasindo UNPAM*. Vol 8, No 1.
<http://openjournal.unpam.ac.id/index.php/Sasindo/article/view/5277>
 diakses pada 5/7/2022.
- Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman (2017). Penyalahgunaan media sosial jejas Reputasi. <http://www.pelita-brunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=13561> diakses pada 28/6/2022.
- Intan Norjahan Azman, Azman Yusof, Marlyna Maros dan Kesumawati Abu Bakar. (2020). *Language Politeness in Malay Culture in Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia, Universiti Kuala Lumpur Branch Campus

- Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology, Malaysia. Diakses melalui https://www.researchgate.net/publication/347220907_Language_Politeness_in_Malay_Culture_in_Malaysia pada 11.02.2022.
- Jaludin Chuchu. (2005). *Ragam-ragam dialek Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jay, T. dan Janschewitz, K. (2012). The science of swearing. Massachusetts College of Liberal Arts & Marist College. Diakses melalui <https://www.psychologicalscience.org/observer/the-science-of-swearing> pada 17/8/2021.
- Jay, T. (2000). *Why we curse: A neuro-psycho-social theory of speech*. John Benjamins Pub Co. <https://doi.org/10.1075/z.91>
- Kamus Bahasa Melayu (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2017). <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=makian> pada 9/10/2021.
- Kuswidyanto Bayu Agustiono dan Widyastuti, (2014). Swearwords among women in bachelorette movie. <https://jurnalmahasiswa.unesa.ac.id/index.php/41/article/view/9211/9151> diakses pada 11/10/2022.
- Loae Fakhri Jdetawy (2019). 'The nature, types, motives, and functions of swear words: a sociolinguistic analysis'. <https://www.journalijdr.com/nature-types-motives-and-functions-swear-words-sociolinguistic-analysis> pada 23/8/2021.
- Ljung, M. (2011). *Swearing: A Cross-Cultural Linguistic Study*. Houndmills, Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Madrigal, D. dan McClain, M. (2012). Strengths and weaknesses of quantitative and Qualitative Research. <https://www.uxmatters.com/mt/archives/2012/09/strengths-and-weaknesses-of-quantitative-and-qualitative-research.php> pada 25/9/2021.
- Maulidiatsani, R. A. (2015). 'The portrait of swearwords and the social background of the characters in the breakfast club movie'. *Language Horizon*, Vol 3 No. 1, 3(1). <https://ejournal.unesa.ac.id/index.php/language-horizon/article/view/11729> diakses pada 6/9/2021.
- Mohd Dahlan A. Malek (2010). Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: Cabaran dan realiti dunia siber. Diakses melalui <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/117/1/CONF2010004.pdf> pada 28/6/2022.
- Nadhifa Indana Zulfa Rahman (2019). Penggunaan kata tabu di media sosial: Kajian Linguistik Forensik. <https://jurnal.unej.ac.id/index.php/SEMIOTIKA/index> pada 6/10/2021.
- Nicolas T. & Pujante T. (2021). Speech for Fun, Fury, and Freedom: Exploring trash talk in gaming stations. *Asian Journal of Language, Literature and Culture Studies*, 4(1), 1-11. <https://journalajl2c.com/index.php/AJL2C/article/view/30138> pada 25/9/2021.
- Norazlina & Raja Masittah (2012). Kesantunan berbahasa Orang Melayu menerusi gaya pengurusan air muka dalam Saga: Aplikasi Teori Ting-Toomey. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/download/8186/363>

pada 6/11/2021.

Suliman, M. S., Hiroyuki, Y., Ab. Jabar, N., Xuan, L. Y., & Mat Daud, M. S. (2021). Impak

Pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 10-20. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.2.202>

Wafiqah Asnola & Zulfadzlee Zulkiflee. (2021). Diskriminasi Kaum Di Negara Brunei Darussalam Dalam Situasi Pandemik Gelombang Kedua COVID-19. Diakses melalui

https://www.researchgate.net/publication/357057214_Diskriminasi_Kaum_Di_Negara_Brunei_Darussalam_Dalam_Situasi_Pandemik_Gelombang_Kedua_COVID-19